



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha  
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah  
Teluk Likas, Peti Surat 11623  
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424  
E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)  
Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

2 Mei 2024

#### TINJAUAN SUMBER & HIDUPAN LIAR INIKEA 2023 HASILKAN PENEMUAN BAHARU

**KOTA KINABALU (Khamis):** Seminar Tinjauan Sumber dan Kehidupan Liar Projek Pemuliharaan Hutan Tropika Innoprise-IKEA (INIKEA) 2023, yang mendedahkan penemuan baharu di Hutan Simpan Sungai Tiagau, telah dirasmikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Abidin bin Madingkir pada 2 Mei 2024 di Shangri-La Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Seminar tersebut merupakan kesinambungan daripada Kajian Sumber dan Hidupan Liar INIKEA, yang diadakan dari 7 hingga 20 Ogos 2023.

Seminar ini berfungsi sebagai forum bagi para penyelidik dan saintis membentangkan dan berkongsi dapatan tinjauan yang memfokuskan kepada kepelbagaian dan taburan hidupan liar, potensi ancaman seperti pemburuan haram dan kebakaran hutan, impak penggunaan tanah di sekitar kawasan projek serta potensi untuk pembangunan pelancongan dalam aspek kritikal seperti tarikan pelancong, logistik, dan aksesibiliti. Selain itu, para penyelidik juga meneroka isu-isu berkaitan flora dan fauna yang berpotensi untuk kajian pada masa hadapan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Eksekutif Innoprise Corporation Sdn. Bhd., Datuk Jasnih bin Daya mewakili Pengarah Yayasan Sabah, Pengarah Urusan IKEA Social Entrepreneurship Pvt. Ltd., Ms. Åsa Skogström Feldt, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Mohd. Hanafiah bin Mohd. Kassim, Timbalan Ketua Konservator Hutan (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr. Arthur Chung mewakili Ketua Konservator Hutan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Maliau, ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, NGO dan pegawai-pegawai Kumpulan Yayasan Sabah.

Dalam ucapannya, Datuk Abidin berkata, “Kemunculan hidupan liar yang kembali ke hutan ini menunjukkan keberhasilan projek tersebut dalam memulihkan kawasan hutan yang telah musnah. Oleh itu, saya yakin seminar ini akan memainkan peranan penting dalam memperdalam pemahaman kita tentang sumber dan kelimpahan hidupan liar di hutan yang telah dipulihkan.”

Projek INIKEA bermula sejak 1998, berikutan perjanjian antara Innoprise Corporation Sdn. Bhd. dan Sow-A-Seed Foundation (InsamlingsstiftelsenSåettFrö) untuk memulihkan kawasan hutan seluas 14,300 hektar di Hutan Simpan Sungai Tiagau. Projek ini melibatkan usaha memperkenalkan semula spesies pokok asli yang telah musnah akibat kebakaran. Sejak itu, projek ini telah menjadi salah satu kawasan penanaman pengayaan terbesar di Malaysia dan kawasan pemuliharaan hutan yang telah lama aktif.

Dianjurkan oleh Kumpulan Yayasan Sabah, seminar tersebut menyaksikan sepuluh pembentang dari setiap kawasan tapak kem yang berbeza menyampaikan penemuan dan pandangan yang menarik mengenai biodiversiti, kelimpahan hidupan liar, dan cabaran di kawasan projek INIKEA.

Dalam hal ini, Datuk Abidin berharap para peserta akan mengambil bahagian secara aktif dalam memberikan maklum balas dan pertukaran pendapat. Beliau menegaskan bahawa maklum balas dan data yang dikemukakan adalah berharga dalam menyokong pembangunan pelan pengurusan strategik sulung INIKEA.

Datuk Abidin turut memuji penglibatan pelbagai jabatan kerajaan dan organisasi seperti Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Taman-Taman Sabah, Muzium Sabah, HUTAN Kinabatangan Orangutan Conservation Programme (HUTAN-KOCP), WWF-Malaysia, Sabah Environmental Trust, Universiti Malaysia Sabah, dan Universiti Teknologi Mara. Beliau juga berkata kepakaran mereka bakal memberikan sumbangan penting untuk menjadi garis panduan dalam penggubalan Pelan Pengurusan Projek Pemuliharaan Hutan Tropika Innoprise-IKEA (INIKEA) yang memperincikan rancangan dan tadbir urus untuk tahun-tahun akan datang.

“Penggubalan pelan pengurusan akan disokong oleh penemuan dan akan dilaksanakan sebagai komponen utama,” jelas beliau.

Kumpulan Yayasan Sabah kekal komited untuk melaksanakan kaedah pengurusan hutan yang mampan, memperkukuh tanggungjawab alam sekitar dan sosial. Dengan menjalin perkongsian kukuh dengan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan sektor swasta, Kumpulan

Yayasan Sabah memastikan usaha pemulihan adalah mampan dari segi alam sekitar dan bermanfaat dari segi sosial.



**Pix 1** : Pengurus Kumpulan, Bahagian Konservasi dan Pengurusan Alam Sekitar Kumpulan Yayasan Sabah, Dr. Waidi Sinun (kiri) memberikan penerangan mengenai Tinjauan Sumber dan Hidupan Liar INIKEA kepada Datuk Abidin.



**Pix 2** : Datuk Abidin berucap kepada peserta seminar



**Pix 3** : Datuk Jasnih (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Datuk Abidin (tiga dari kanan). Turut dalam gambar ialah Dr. Arthur (kiri), Ms. Åsa (dua dari kanan) dan Datuk Mohd. Hanafiah (kanan).

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com